



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

#### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

#### **KETUA JURULATIH KESENIAN (B.2 / B.2 EB.3) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**KETUA JURULATIH KESENIAN**  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kesenian / Masyarakat dan Budaya Brunei / Pengajian Sastera dan Budaya atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kesenian / Masyarakat dan Budaya Brunei / Pengajian Sastera dan Budaya atau bidang yang bersesuaian dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.*

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

iii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit Latihan dan Kesenian;
2. Merancang program tahunan untuk Unit Latihan dan Kesenian;
3. Merancang dan menyediakan keperluan latihan bagi pegawai-pegawai untuk program-program tahunan di Unit Latihan dan Kesenian (dalam dan luar negeri);
4. Menyelaras kajian-kajian yang berkaitan dengan tarian-tarian Asli dan Melayu Brunei dan yang berkaitan;
5. Memantau usaha-usaha dan pergerakan Jurulatih Kesenian dan Pranidaya;
6. Mengurus dan mengetuai persembahan-persembahan dalam dan luar negeri;
7. Dilibatkan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan Kebudayaan dan Kesenian; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Penolong Pengarah dan Pegawai Kanan di Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dari semasa ke semasa.